

TEKS UCAPAN ALUAN

Y. Bhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib

NAIB CANSELOR UTeM

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2018

18 APRIL 2019 (KHAMIS) 2.30 PETANG, MITC

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Prof. Ts. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merangkap
Pengerusi Bersama Anugerah Akademik Universiti 2018

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manaf
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Faaizah binti Shahbodin
Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik

Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Marizan bin Sulaiman
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM) dan

Yang Berusaha Dr. Muhammad Herman bin Jamaluddin
Pengarah Pusat Pengkomersilan (UCC)
merangkap Setiausaha bersama Anugerah Akademik Universiti 2018

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, para penerima Anugerah Akademik Universiti 2018 yang diraikan,

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau Bersih.

1. Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun sekali lagi pada tahun ini bagi penganjuran Anugerah Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi tahun 2018. Alhamdulillah, tahun ini merupakan genap sepuluh tahun penganjuran majlis berprestij ini, yang mula diperkenalkan sejak tahun 2009.
2. Seiring dengan usia Universiti ini yang telah memasuki tahun ke 19 penubuhannya, apa yang diharapkan oleh Universiti ini agar tradisi penganugerahan ini dapat membantu usaha universiti

untuk membentuk dan membudayakan lagi ekosistem akademik di UTeM agar lebih segar dan dinamik.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah ke majlis pada petang ini. Terima kasih Tan Sri dan semua Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang dapat meluangkan masa hadir sama pada petang ini.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Pengiktirafan sumbangan ahli-ahli akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka melalui Anugerah Akademik Universiti adalah

penyataan bahawa UTeM berhasrat, usaha mempertingkatkan lagi pencapaian Universiti tercinta ini senantiasanya diberi perhatian yang serius.

5. Hakikatnya, pencapaian ahli akademik yang cemerlang dalam pelbagai aspek keperluan akan memastikan perkongsian dan penyampaian ilmu yang baik di institusi pengajian tinggi dan institusi yang mempunyai rekod akademik yang cemerlang akan melahirkan pelajar dan ahli akademik yang juga cemerlang.
6. Apatah lagi, dalam era globalisasi masa kini, pelbagai persaingan dan cabaran baharu telah memberi impak terhadap landskap Universiti secara keseluruhannya dengan begitu drastik. Hari ini, Universiti diberikan tanggungjawab yang amat

besar untuk mentransformasikan ekonomi dan keupayaan tenaga kerja Negara.

7. Dalam memastikan aspirasi ini dapat direalisasikan dengan jayanya, ahli akademik merupakan golongan perlu memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang mampu menghadapi cabaran masa depan ataupun *future-proof graduates* yang bukan hanya menguasai ilmu tetapi turut memiliki nilai dan kebijaksanaan dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan yang amat kompleks.
8. Usaha membudayakan ilmu dan nilai-nilai murni dikalangan graduan tidak hanya bergantung kepada kehebatan infrastruktur dan prasarana institusi, malah perlu dididik oleh akademia yang memahami, mendalami dengan penuh

keikhlasan dan keehsan dalam mencurahkan ilmu kepada anak didik. Insya Allah, dengan jiwa yang luhur ini akhirnya mendatangkan keberkatan dan kejayaan yang menjadi pelengkap terhadap kesarjanaan ilmu.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. Dengan mengambil kira semangat keluhuran jiwa seorang sarjana akademik seperti yang pernah ditegaskan oleh Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia

semasa amanat beliau pada awal tahun ini, maka AAU kali ini sebulat suara telah memilih tema - Luhur Jiwa Pelengkap Kesarjanaan Ilmu.

10.AAU 2018 menyaksikan sepuluh (10) kategori anugerah iaitu kategori:

- i. Tokoh Akademik;
- ii. Akademik Harapan;
- iii. Inovasi e-pembelajaran;
- iv. Khas Kumpulan;
- v. Kualiti Makalah Jurnal;
- vi. Penghasilan Makalah Jurnal;
- vii. Inovasi dan Pengkomersilan Produk;
- viii. Penyelidikan;

- ix. Penerbitan Buku dalam Bidang Sains dan Teknologi serta bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial; dan
- x. Pengajaran.

11. Sebagai makluman YBhg. Tan Sri dan hadirin hadirat sekalian, menerusi sokongan dan dorongan berterusan dari kalangan ahli akademik yang berpengalaman luas, kategori Anugerah Penerbitan Buku dan Kualiti Makalah Jurnal telah mencapai standard dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di peringkat Anugerah Akademik Negara. Diharapkan, kategori ini mampu menyumbang kecemerlangan, seterusnya mengangkat martabat UTeM di peringkat AAN nanti.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

12. Pencapaian membanggakan dalam pelbagai aspek membuktikan keupayaan UTeM yang dipacu oleh warga kerja yang senantiasa berekspresi, berdedikasi tinggi dan komited sehingga berupaya meletakkan Universiti ini setara dengan universiti-universiti tersohor lain di dalam dan juga luar negara.
13. Bagi pihak Universiti, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga universiti khususnya ahli akademik yang telah memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan terbaik dalam aspek

akademia, penyelidikan, pembangunan bakat insan yang cemerlang dan lain-lain lagi.

14. Tanpa sokongan mereka, saya percaya kita tidak mungkin dapat membangun generasi berilmu yang cemerlang sekaligus menjadi insan yang seimbang untuk pembangunan dan kemajuan negara.
15. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi pelbagai bentuk sokongan serta bantuan yang begitu besar maknanya kepada kejayaan yang dicapai oleh universiti sehingga hari ini.
16. Akhir kata, bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung

mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Anugerah Akademik Universiti kali ini.

17. Komitmen yang diberikan adalah sangat dihargai dalam mencerna idea, memerah tenaga, menyempurna kerja, sehingga majlis ini terlaksana dengan jayanya.

Bunga cempaka ditanam rapat,
Cantik tersusun menghias taman,
Anugerah akademik pembakar semangat,
Teruskan perjuangan, mencipta kecemerlangan.

Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*